

Doa 'putus tangan' untuk penipu, pencuri dan pemakan rasuah

SULUH WAHYU

Oleh
**Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz**



“GERUN memikirkan peningkatan kes penipuan atas talian dan gejala pemakanan najis rasuah yang semakin berleluasa. Nampaknya kiamat sudah semakin hampir berlaku.”

Rasa risau gelisah dengan tanda hampirnya kiamat di atas ada sandarannya dari sabda junjungan Nabi SAW yang bermaksud: *Kiamat hampir berlaku apabila ilmu diangkat (dengan kematian para ulama), munculnya berbagai fitnah (bencana), banyaknya pendustaan, pendeknya masa, pasar menjadi semakin dekat dan banyaknya pembunuhan.* (Sahih Ibn Hibban)

Saban hari ada sahaja kita dengar dan baca laporan mangsa menggigit jari rugi ribuan ringgit ditipu dengan berbagai sindiket atas talian. Gambar saya sendiri pernah muncul beberapa kali dalam iklan skim pelaburan ajaib di media sosial sehingga mengundang soalan bertalu-talu daripada teman taulan.

Sebenarnya sudah banyak penafian dibuat secara rasmi dan tidak rasmi oleh para tokoh agama yang dicuri gambar mereka untuk pelaburan palsu sebegitu. Unit Dakwah, Majlis Dakwah Negara yang dipimpin Ustaz Zul Ramli pada 14 Julai 2021 pernah mengadakan sidang akhbar maya menafikan perkara tersebut.

Sebuah video pendek yang memaparkan penafian ramai tokoh agama di Malaysia turut diedar sejurus selepas sidang media tersebut. Pun begitu, penafian tersebut tidak mampu menahan gelombang para penipu dalam talian yang sentiasa kreatif mencipta umpan terbaharu untuk menjerat dan menjerut harta milik orang lain.

Tambahan pula, mentaliti sesetengah orang awam yang mahu cepat kaya tanpa usaha setimpal, memudahkan kelancaran kempen jahat para penipu ini. Akibatnya, ramailah yang jatuh tertiarap terjerat menjadi cepat kayap dan putus harap.

Nampaknya kegiatan mereka akan terus wujud jika ada pasarannya dalam kalangan orang awam yang tidak cermat menilai serta gopoh mahu mengaut untung

tanpa usaha.

Sebelum media sosial mendominasi hidup manusia, kegiatan menipu dan mencuri memerlukan penampilan fizikal si penjenayah. Risiko ditangkap juga tinggi. Kini, jejak fizikal mereka mudah hilang tanpa kesan di alam maya. Usaha menangkap mereka seumpama mencari jarum di tengah padang rumput yang luas.

Selain jenayah tipu dan curi yang biasa dijalankan si ikan bilis dalam talian, kita perlu lebih cakna dan waspada dengan jenayah rasuah yang jauh lebih bahaya dan besar impaknya kepada agama, negara dan bangsa.

Para pemakan rasuah seumpama 'sang dubuk hina' yang kerjanya mencuri harta orang tanpa rasa malu.

Kedudukan istimewa yang disandang sesetengah mereka menjadi 'kunci induk' untuk membuka dan menanggung segala ruang serta peluang yang ada untuk menelan harta haram.

Umum sudah tahu bahawa menipu, mencuri dan 'membaham' rasuah adalah jenayah yang ditentang akal sehat serta semua agama dunia. Islam menganggap semua jenayah ini

bertentangan dengan *Maqasid Syariah* iaitu kewajiban menjaga harta.

Oleh itu, Islam memberi ubat paling mujarab untuk merawat penyakit ini, potong tangan!

Ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan pencuri lelaki serta pencuri perempuan maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* (al-Ma'idah: 38)

Pernah saya saksikan seorang tauke Cina di Pasar Borong Selayang, marah-marah ketika ada pencuri melarikan stok minyak masak yang baru ditinggalkan seketika di hadapan kedai oleh seorang pekerjanya.

Si tauke merengus geram: "Kalau saya dapat tangkap si pencuri, saya kasi patah tangannya!" Saya segera jentik akalnya dengan logik hukum Islam: "Islam arahkan si pencuri dipotong tangannya, baru serik orang nak mencuri!" Langsung si tauke bersetuju: "Ya! Kita kena potong tangan pencuri!" *Subhanallah!* Ini fitrah manusia yang tak mampu disangkal sesiapa.

Pastinya taubat penipu, pencuri dan pemakan rasuah tidak semudah mendirikan solat taubat dua rakaat kerana ia melibatkan hak orang lain.

Ia sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Sesiapa yang melakukan kezaliman kepada saudaranya yang melibatkan maruah atau apa sahaja (hak temannya), maka mohonlah halal (ampunan daripadanya) semasa di dunia ini sebelum sampai waktu (kiamat) yang dinar atau dirham tidak mampu menebus.*

Sebaliknya jika dia (penzalim temannya) memiliki amal soleh (sedikit kebaikan), ia akan diambil (untuk diberikan kepada mangsanya) pada kadar kezaliman yang dia lakukan. Jika dia tidak

memiliki kebaikan, kejahatan mangsanya akan diambil lalu dipikulkan padanya. (Sahih al-Bukhari).

Jika mereka terlepas daripada hukuman dunia sekalipun, bencana akhirat tetap menanti kerana Allah tidak pernah tidur atau lalai.

Ingatlah firman Allah yang bermaksud: *Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa yang dilakukan oleh orang yang zalim; sesungguhnya Dia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka, (kerana gerun melihat kegemparan akhirat).* (Ibrahim: 42)

Selain itu, Nabi SAW juga memberi amaran lampu merah kepada para penjenayah ini menerusi sabda baginda yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah menanggukkan (hukuman-Nya buat seketika) terhadap si zalim. (Namun begitu) apabila tiba balasannya nanti, dia pasti tidak akan terlepas.* (Sahih al-Bukhari, 4318).

Akhirnya, saya doakan agar para penipu, pencuri dan pemakan rasuah di luar sana diberi Allah dua pilihan iaitu; dikurniakan hidayah untuk bertaubat nasuha atau dihukum keras putus tangan dek berbagai bencana yang bakal menimpa dalam hidup mereka.

Doa ini saya kira sesuai dengan hukum hudud arahan Allah terdahulu (al-Ma'idah ayat 38). Semoga doa harapan dan ancaman ini mampu menjentik hati nurani mereka untuk segera berhenti menzalimi orang lain. Ketahuilah, doa mangsa yang anda zalimi mampu meluncur laju menembus awan diterima Allah.

Ini dijelaskan menerusi sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Takutlah kamu dengan doa orang yang dizalimi kerana tiada penghalang antara doanya dan (penerimaan) Allah.* (Sahih al-Bukhari, 2268)

Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim (al-Hafiz) adalah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Pusat Bahasa UIAM.



GOLONGAN ulama turut menjadi mangsa scammer untuk mempengaruhi masyarakat melabur dalam pelbagai skim pelaburan di media sosial.